

# Ahli Umno wajar guna semangat ukhwhah selesai masalah

BH 24 MAR 2011

KOTA BHARU Jumaat – Ahli Umno semua peringkat harus menggunakan pendekatan semangat ukhwhah Islamiah bagi menyelesaikan permasalahan yang mungkin timbul dalam parti

Sehubungan itu ahli Umno dinasihatkan tidak mudah terpengaruh dakyah pihak tertentu yang cuba melagakan mereka supaya berlaku perbalahan sesama sendiri khususnya ketika proses pemilihan peringkat bahagian berjalan sekarang

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata faktor itu perlu diambilkira kerana jika tidak disedari ia mungkin boleh membawa perpecahan sekali gus melemahkan parti

Ini soal Umno patut diselesaikan cara Umno Tidak patut ada pihak di luar parti terbabit Saya tidak mahu menyebut sesiapa tetapi pada saya selain orang Umno mereka di luar tidak sepatutnya terbabit

Ahli Umno tidak seharusnya menjadikan orang luar sebagai alasan kepada berlakunya perbalahan dan perpecahan dalaman katanya selepas majlis penyampaian

sijil penurunan kuasa undang-undang yang dikuatkuasakan Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini hari ini

Beliau diminta mengulas dakwaan ahli peringkat akar umbi kononnya ada pihak tertentu termasuk parti pembangkang cuba memerangkap ahli Umno supaya berbalah sesama sendiri ketika proses pemilihan cawangan dan bahagian sedang berjalan sekarang

Katanya apa yang penting ahli parti perlu lebih bertanggungjawab bukan saja kepada parti tetapi agama bangsa dan negara selain bersatu menguatkan parti bagi menghadapi pilihan raya

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata nasihat Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai etika pemilihan harus dipatuhi

Presiden Umno sudah banyak kali bercakap mengenai perkara ini Sekiranya mana mana pihak gagal mengelak pertandingan mereka boleh bertanding

tetapi biarlah atas semangat demokrasi

Adalah malang kalau ada ahli Umno tidak boleh menerima nasihat dan memikirkan kepentingan sendiri sehingga membelakangkan etika parti katanya

Beliau berkata sepatutnya ahli parti mengamalkan budaya politik sihat kerana dengan cara itu boleh memulihkan imej parti

Saya tidak nampak Umno dapat meningkatkan sokongan dan keyakinan rakyat sekiranya masalah berkenaan (tidak mematuhi peraturan) terus berlaku katanya

Ditanya pertemuan Umno Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu Muhyiddin berkata Pas sepatutnya mengetepikan syarat yang ditetapkan itu

Katanya apa yang penting sekarang Pas duduk semeja terlebih dahulu dengan Umno sebelum membincangkan mengenai syarat